

Headline	44,000 Murid Kitar Semula Kotak Minuman	Language	Malay
Date	21 Aug 2009	Page No	108
MediaTitle	Wanita	Article Size	229 cm²
Section	NEWS		
Journalist	N/A		
Frequency	Monthly	Color	Full Color
ADValue	2,489	PRValue	7,467



44,000 Murid Kitar Semula Kotak Minuman

AMALAN sihat untuk bumi yang bakal diwarisi oleh generasi akan datang, Tetra Pak (M) Sdn. Bhd., dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) melancarkan program kitar semula kotak minuman.

Bertemakan 'Nurture for Nature', program berobjektif mendidik, membangkitkan kesedaran dan menanam amalan kitar semula di kalangan kanak-kanak ini, melibatkan lebih 44,000 murid di 25 buah sekolah rendah sekitar Lembah Klang bermula April lalu.

Menariknya, selain sesi pembelajaran mengenai alam sekitar dan karnival mini, turut diadakan ialah pertandingan kitar semula kotak minuman. Pertandingan sepanjang enam bulan yang berakhir Oktober ini menawarkan wang tunai sehingga RM60,000 kepada sekolah-sekolah yang berjaya mengumpul bilangan kotak tertinggi.

Selain itu, hasil daripada semua kotak terkumpul akan disalurkan kepada FRIM untuk tujuan projek pemeliharaan alam sekitar. **W**

Headline	44,000 Murid Kitar Semula Kotak Minuman		
Date	21 Aug 2009	Language	Malay
MediaTitle	Wanita	Page No	108
Section	NEWS	Article Size	229 cm²
Journalist	N/A		
Frequency	Monthly	Color	Full Color
ADValue	2,489	PRValue	7,467

